



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS ANGKAT SUMPAH
PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
SESI JULAI 2018 – DISEMBER 2019**

OLEH

**YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**02 JULAI 2018 (ISNIN)
9.00 PAGI**

**DEWAN KENANGA
MENARA MPSP
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman

Timbalan Ketua Menteri 1

Yang Berhormat Prof. Dr Ramasamy a / I Palanisamy

Timbalan Ketua Menteri 2

Y.B. Dato' Seri Haji Farizan bin Darus

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a / I Karpal Singh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa

Yang Berhormat Ahli - Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli - Ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat ADUN - ADUN Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berbahagia Ar Yew Tung Seang

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Yang Berusaha Ir Addnan bin Mohd. Razali

Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Yang Berusaha Puan Nur'Aishah bt Md Norodin

Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Kerajaan Tempatan

Ketua - Ketua Jabatan

Kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat juga kita berkumpul pada pagi yang bersejarah ini bersempena Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis yang baharu bagi Sesi Julai 2018 hingga Disember 2019. Saya selaku Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai mewakili seluruh warga kerja MPSP ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan Majlis pada pagi ini.

Tidak terlambat rasanya, saya dengan rasa kesyukuran dan rendah hati mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada dif-dif kehormat, seluruh warga kerja MPSP dan para hadirin sekalian.

Pada kesempatan ini juga, saya, mewakili MPSP mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow atas pelantikan beliau sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang yang baharu pada 14 Mei 2018. MPSP yakin dengan kepimpinan dan kewibawaan yang dimiliki oleh Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow ini dapat membawa

Pulau Pinang ke arah negeri yang makmur, berdaya tahan dan sentiasa mendahului sehingga ke peringkat antarabangsa.

Tidak dilupakan juga, MPSP mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri 1, Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman; Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri 2, Tuan Prof. Dr Ramasamy a/l Palanisamy, Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo dan semua barisan Exco yang telah dilantik pada 16 Mei 2018. MPSP berkeyakinan penuh pucuk pimpinan baru dapat membimbing MPSP menuju ke arah menjadi Pihak Berkuasa Tempatan yang lebih cekap, berkualiti serta berkesan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk Seberang Perai.

MPSP juga mengucapkan tahniah kepada Ahli-Ahli Majlis yang telah dipilih menjadi wakil rakyat dalam Pilihan Raya Umum ke-14 iaitu Yang Berhormat Zulkifli bin Ibrahim, Yang Berhormat H'ng Mooi Lye, Yang Berhormat Satees a/l Muniandy dan Yang Berhormat Dr. Amar Pritpal bin Abdullah.

Ribuan terima kasih diucapkan atas sumbangan yang telah diberikan oleh semua Ahli-Ahli Majlis sebelum ini yang selama berkhidmat di MPSP telah banyak bekerjasama dalam membantu menggubal dasar dan garis panduan MPSP, menyumbang idea serta komen yang bernas dalam semua jawatankuasa-jawatankuasa yang dihadiri serta membantu melaksanakan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022. Mantan Ahli-Ahli Majlis MPSP juga sentiasa bersama-sama bukan sahaja memberi sokongan mental malahan turut turun padang siang atau malam untuk membantu dan meringankan beban dan masalah penduduk. Semangat *teamwork* yang ditunjukkan oleh mereka menunjukkan solidariti diantara pihak pengurusan MPSP, Ahli Majlis dan Kerajaan Negeri serta kualiti dalaman yang sentiasa prihatin dengan kesengsaraan rakyat. Diharapkan kerjasama ini dapat diteruskan pada masa hadapan dan selamat maju jaya.

Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Ahli-Ahli Majlis yang baru dilantik, malahan mereka adalah generasi pertama yang dilantik untuk memegang jawatan selama tempoh 18 bulan.

YAB Ketua Menteri, YB Dato' Seri, YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Pada tahun 2018, MPSP mempunyai Visi, Misi, Slogan dan *Corporate Value* yang baru. MPSP sentiasa menjadikan “*Seberang Perai is For All*” sebagai *guidance principal* bagi memacu MPSP ke arah inklusif. Justeru itu, bagi mencapai “*Seberang Perai An Aspiring City Of Tomorrow*”, saya menyeru kepada seluruh warga Seberang Perai untuk terus memberikan sokongan kepada MPSP ke arah matlamat menjadikan Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi.

MPSP akan memberikan penekanan di dalam penggunaan industri 4.0, Big Data Analytics (BDA), IoT, Cloud Computing dan Artificial Intelligence dalam memberi perkhidmatan kepada warga Seberang Perai dan melakukan transformasi digital untuk penjana ekonomi yang lebih makmur.

Tahun 2018 adalah sangat mencabar namun MPSP telah berjaya menempuhinya. MPSP telah menerima anugerah di Majlis Malaysia

Landscape Architecture Awards (MLAA), Gala Dinner oleh Institute Of Landscape Malaysia (ILAM) pada 21 April 2018 di The Majestic Hotel, Kuala Lumpur. Anugerah yang diberikan kepada MPSP ialah Special Honour Award bagi Government Category: Green Initiatives Awards yang telah dinobatkan kepada Projek Butterworth Fringe Festival: A Creative Placemaking In Urban Public Spaces yang telah menerima trofi dan sijil. Tahniah diucapkan kepada Unit Butterworth Baharu dan semua jabatan sokongan atas kejayaan ini.

MPSP juga telah menerima anugerah di Majlis Konvensyen Mini Team Excellence (MTEEx) 2018 Wilayah Tengah oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 24 April 2018 di Holiday Inn Kuala Lumpur Glenmarie, Shah Alam. Anugerah yang diberikan kepada MPSP ialah Silver Award atas kejayaan mewujudkan *Upcycle Park* dan telah menerima trofi serta sijil. Tahniah diucapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan jabatan sokongan serta Wira Orange MPSP atas kejayaan ini.

MPSP telah menerima Sijil Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2016 pada 17 Mei 2018 dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. MPSP telah dianugerahkan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan bertaraf 5 bintang berdasarkan kriteria-kriteria

yang telah ditetapkan. Saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas kerjasama semua pihak atas kejayaan ini.

Sukacita dimaklumkan bahawa MPSP telah menaik taraf Unit Skuad Khas dan Bahagian Teknologi Maklumat kepada jabatan. Oleh itu, Unit Skuad Khas telah dinaik taraf kepada Jabatan Pengurusan Krisis manakala Bahagian Teknologi Maklumat pula telah dinaik taraf kepada Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi. Ketua jabatan yang telah dilantik untuk mengetuai Jabatan Pengurusan Krisis ialah Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin manakala Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi pula dipimpin oleh Encik Abdul Fikri Ridzauudin bin Abdullah. Diharapkan kedua-dua ketua jabatan tersebut dapat memimpin jabatan yang baharu ini ke arah pengurusan yang lebih cekap, berkualiti dan berkesan.

Terima kasih diucapkan kepada YAB Ketua Menteri, barisan EXCO, YB Dato' Seri SUK dan semua yang memberi sokongan. Tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan saya ingin ucapkan kepada rakan-rakan media yang sentiasa mencoretkan maklumat-maklumat terkini kepada masyarakat, komen-komen dan pendapat membina di dalam penulisan mereka. Tanpa mereka, masyarakat tidak akan tahu apa yang telah Kerajaan Negeri Pulau

Pinang dan MPSP lakukan untuk kebaikan masyarakat. Terima kasih sekali lagi.

YAB Ketua Menteri, YB Dato' Seri, YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Kami akan terus berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat supaya rakyat / pembayar cukai boleh rasa, sentuh dan lihat. Saya juga berharap rakyat / pembayar cukai dapat bekerjasama / berganding bahu dengan MPSP supaya MPSP (kami) juga dapat rasa, sentuh dan lihat kerjasama dan komitmen dari masyarakat kepada MPSP untuk menjadikan menjadikan Seberang Perai lebih bersih, lebih hijau, lebih selamat, lebih sihat dan lebih ceria. Pada kesempatan ini, saya bagi pihak semua kakitangan MPSP sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Ahli Majlis-Ahli Majlis yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Tahun 2018 adalah merupakan tahun yang amat mencabar bagi MPSP. Kami akan bekerjasama dengan Ahli Majlis sebagai satu pasukan yang mantap untuk memberikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik untuk menjadikan Seberang Perai bandar pintar dan bertaraf antarabangsa.

Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan terima kasih.